

Cadangan Pengajaran Buku Bacaan 3 dan Buku Aktiviti 3

Topik	Pakaian Saya
Standard Kandungan	BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.3, BM 2.4.4, BM 3.2.3
Tunjang Bersepadu	FK 1.1, KD 3.2
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 2 Buku Aktiviti 3 – halaman 2 Gambar, kad perkataan, pen penanda, pelekat dan papan putih

Aktiviti yang Dicapai

Buku Bacaan

- Guru menampalkan gambar suasana di kedai pakaian pada papan putih.
- Guru juga menampalkan kad perkataan di sekeliling gambar tersebut.
- Guru meminta kanak-kanak memadankan kad perkataan dengan gambar yang sesuai.
- Guru membimbing kanak-kanak menyebut jenis-jenis pakaian seperti yang terdapat pada halaman 2.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 2.

Topik	Pakaian Saya
Standard Kandungan	BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.4, BM 2.4.4, BM 3.1.4, BM 3.1.5, BM 3.2.3
Tunjang Bersepadu	FK 1.1, PM 12.1
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 3 Buku Aktiviti 3 – halaman 3 Kotak, kad perkataan, kad gambar, pelekat, papan putih dan gambar budak lelaki

Aktiviti yang Dicapai

Buku Bacaan

- Guru menyediakan sebuah kotak berisi kad perkataan dan sebuah kotak lagi berisi kad gambar yang berkaitan dengan pakaian budak lelaki dan budak perempuan.
- Guru membahagikan kanak-kanak kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan A mendapat kotak berisi kad perkataan dan kumpulan B pula mendapat kotak berisi kad gambar.
- Guru menampalkan gambar seorang budak lelaki pada papan putih.
- Guru meminta kumpulan A untuk menampalkan kad perkataan bagi pakaian yang sesuai dipakai oleh budak lelaki tersebut pada papan putih.
- Kemudian, kumpulan B pula perlu mencari dan menampalkan kad gambar bagi kad perkataan tersebut.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca ayat mudah pada halaman 3.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 3.

Topik	Pakaian Saya
Standard Kandungan	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 2.4.3, BM 2.4.4, BM 3.1.4, BM 3.2.3
Tunjang Bersepadu	FK 1.1, KE 3.3
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 4 Buku Aktiviti 3 – halaman 4 Kertas warna, gunting, gam, stapler dan reben
Aktiviti yang Dicapai Buku Bacaan - Guru membimbing kanak-kanak membuat origami kasut menggunakan bahan yang diberi. - Guru membimbing kanak-kanak membaca frasa dan ayat mudah pada halaman 4. Buku Aktiviti - Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 4.	

Topik	Pakaian Saya
Standard Kandungan	BM 1.4 - Berinteraksi menggunakan ayat mudah BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 1.4.3, BM 3.2.3
Tunjang Bersepadu	KD 2.3, KD 3.2
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 5 Buku Aktiviti 3 – halaman 5 Seluar pendek, tali pinggang, gaun dan topi
Aktiviti yang Dicapai Buku Bacaan - Guru membahagikan kanak-kanak kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan perlu ada dua orang wakil untuk bercerita berkaitan dengan pakaian yang diperolehi oleh kumpulan tersebut. - Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang pakaian tersebut dalam masa 5 minit. - Guru membimbing kanak-kanak membaca ayat mudah pada halaman 5. Buku Aktiviti - Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 5.	

Topik	Pakaian Saya
Standard Kandungan	BM 2.4 - Membaca dan memahami frasa dan ayat BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 2.4.3, BM 2.4.4, BM 3.1.4, BM 3.2.3
Tunjang Bersepadu	FK 1.1, PM 2.1
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 6 Buku Aktiviti 3 – halaman 6 Kad manila, pelekat, kad gambar dan kad suku kata

Aktiviti yang Dicapai**Buku Bacaan**

- Guru membahagikan kanak-kanak kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan A (Besar dan Kecil) dan kumpulan B (Baharu dan Lama).
- Guru memberikan kad manila, pelekat, kad gambar dan kad suku kata kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta kanak-kanak mencantumkan kad suku kata. Contohnya, kumpulan A perlu mencantumkan kad suku kata menjadi “Besar” dan “Kecil” serta menampalkannya pada kad manila. Kemudian, kanak-kanak perlu menampalkan kad gambar yang berkaitan dengan perkataan-perkataan tersebut.
- Guru membimbing kanak-kanak membaca frasa dan ayat mudah pada halaman 6.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 6.

Topik	Pakaian Saya
Standard Kandungan	BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 3.2.3
Tunjang Bersepadu	FK 2.2, KD 3.2
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 7 Buku Aktiviti 3 – halaman 7 Kad suku kata

Aktiviti yang Dicapai**Buku Bacaan**

- Guru mengadakan aktiviti “Cari dan Cantum”.
- Guru memilih lapan orang kanak-kanak untuk melakukan aktiviti dengan mencantumkan kad suku kata seperti “ka”, “to”, “ke”, “sut”, “ja”, “me” dan “pi” supaya menjadi satu perkataan.
- Guru meminta kanak-kanak mencari padanan yang sesuai bagi kad suku kata yang mereka peroleh. Contohnya, kanak-kanak A yang mendapat kad suku kata “to” perlu mencari padanan yang sesuai untuk kad suku kata itu seperti kad suku kata “pi”.
- Kanak-kanak yang sudah dapat mencari padanan kad suku katanya perlu menyebut perkataan tersebut.
- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan ulang kaji pada halaman 7.

Buku Aktiviti

- Guru membimbing kanak-kanak membuat latihan pada halaman 7.

Topik	Hari Jadi Saya
Standard Kandungan	BM 1.2 - Mendengar, memahami dan memberi respons secara gerak laku dan lisan BM 2.3 - Membina dan membaca suku kata dan perkataan BM 3.1 - Menguasai kemahiran pratulis BM 3.2 - Menguasai kemahiran menulis
Standard Pembelajaran	BM 1.2.2, BM 2.3.1, BM 2.3.2, BM 2.3.4, BM 3.1.4, BM 3.2.7
Tunjang Bersepadu	KE 1.1, FK 1.1
Bahan Pengajaran	Buku Bacaan 3 – halaman 8 Buku Aktiviti 3 – halaman 8 Kad perkataan, pelekat dan papan putih